

04 NOV 2002

ASEAN GESA IRAQ PATUHI PERMINTAAN PBB

PHNOM PENH, 4 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean hari ini menyatakan sokongan bagi usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menghapuskan semua senjata yang mengakibatkan kemusnahan teruk di Iraq dan menggesa Baghdad mematuhi sepenuhnya resolusi Majlis Keselamatan PBB.

Pemimpin berkenaan berkata dalam satu kenyataan pada sidang kemuncak Asean kelapan di sini bahawa situasi di Iraq amat membimbangkan dan bahawa perang akan mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi global dan impaknya ke atas rantau ini.

Ini merupakan kenyataan pertama daripada Asean sejak Amerika Syarikat mengancam melancarkan perang ke atas Iraq sekiranya negara itu enggan membenarkan pemeriksaan senjata antarabangsa masuk ke negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Asean lain turut melahirkan kebimbangan dengan situasi di Asia Barat itu.

"Dengan bantuan masyarakat antarabangsa, satu penyelesaian aman bagi menamatkan kitaran keganasan yang semakin meruncing di Israel perlu dirumuskan," menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh tuan rumah Perdana Menteri Hun Sen bagi pihak pemimpin-pemimpin berkenaan.

Selain itu, pemimpin-pemimpin berkenaan turut menggesa Korea Utara agar menghormati komitmennya untuk menghentikan program senjata nuklearnya dan mengulangi sokongan mereka bagi penyatuan secara aman akan kedua-dua negara Korea itu.

-- BERNAMA
TCL LES RHM